



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 21 Februari 2025

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 5 TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan bagi tahun 2025 telah ditetapkan seperti dalam jadual di LAMPIRAN A. Peperiksaan perkhidmatan ini dilaksanakan sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi semua skim perkhidmatan Gred 1 dan ke atas.
3. Sehubungan itu, pegawai dan pekhidmat yang ingin menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi tahun 2025 hendaklah memajukan borang permohonan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) selewat-lewatnya pada **7 Mac 2025 (Jumaat)**.
4. Borang permohonan boleh dimuat turun melalui portal UPSM di pautan <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada ketetapan tarikh peperiksaan perkhidmatan yang telah diumumkan ini, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.
5. Dilampirkan bersama kenyataan ini adalah sukatan peperiksaan perkhidmatan terkini mengikut gred perkhidmatan sebagai rujukan pegawai dan pekhidmat LGM.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

Saya yang menjalankan amanah,

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

**JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
TAHUN 2025**

BIL.	TARIKH	GRED CALON	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT
1.	<b>17 Jun 2025 (Selasa)</b>	Peperiksaan Perkhidmatan Gred 5 dan ke Atas	<b>7 Mac 2025 (Jumaat)</b>	Dewan Persidangan, Tingkat 1, Bangunan Getah Asli (BGA) 148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
2.	<b>18 Jun 2025 (Rabu)</b>	Peperiksaan Perkhidmatan Gred 1		

**PANDUAN PERMOHONAN:**

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsms>
2. Calon-calun digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan akan ditolak.**
3. Calon-calun yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calun hendaklah **MEMBAWA KAD PENGENALAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-calun **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN.** Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calun daripada menduduki peperiksaan sekiranya tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.